

30 JUN 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA KANADA

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah mengutus ucapan tahniah kepada Gabenor Jeneral Kanada Le Blanc sempena Hari Kanada hari ini.

Dalam perutusan itu, Seri Paduka Baginda berharap rakyat Kanada akan terus menikmati kemajuan dan kemakmuran.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula mengutus ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Jean Chretien dengan berkata beliau yakin rakyat Kanada akan terus mengecapi kejayaan ekonomi negara itu.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia telah mendapat banyak faedah daripada hubungan sosial dan ekonomi yang rapat dengan Kanada.

"Saya berharap hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara kita akan berterusan," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Llyod Axworthy berkata beliau berharap kedua-dua negara akan mengukuhkan lagi hubungan mereka.

--BERNAMA

(EMBARGO : Utk siaran selepas 0001 1 julai)

NZ MAI